



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 05 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Kanak-Kanak 2 Tahun Maut Diserang Anjing Liar Di Semporna https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-2-tahun-maut-diserang-anjing-liar-di-semporna/ https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kanak-kanak-maut-diserang-kumpulan-anjing-liar-x98l20s https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/04/kanak-kanak-maut-diserang-anjing-liar https://www.youtube.com/watch?v=3o5x-VxcHt0 https://sabahmedia.com/2024/11/04/kanak-kanak-lelaki-maut-diserang-digigit-sekumpulan-anjing-liar/ https://www.nabalunews.com/post/kanak-kanak-2-tahun-maut-diserang-anjing-liar	Buletin TV3 Astro Awani Utusan Borneo Astro Awani Sabah Media Nabalu News	
2.	Jasad Kanak-Kanak Autisme Ditemukan Terapung Di Sungai Muar https://www.buletintv3.my/nasional/jasad-kanak-kanak-autisme-ditemukan-terapung-di-sungai-muar/ https://www.youtube.com/watch?v=ufBH1pPPseM	Buletin TV3 Malaysia Gazette TV	

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1151332/remaja-autistik-hilang-ditemukan-lemas#google_vignette	Harian Metro	
3.	Warga Emas Rugi RM176,500, Terpedaya Untung RM2 juta https://www.sinarharian.com.my/article/694756/berita/semasa/warga-emas-rugi-rm176500-terpedaya-untung-rm2-juta	Sinar Harian	Neutral
4.	2 Warga Emas Maut Kereta Rempuh Pembahagi Tol https://www.buletintv3.my/nasional/2-warga-emas-maut-selepas-kereta-langgar-pembahagi-tol/ https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/kereta-langgar-pembahagi-tol-dua-warga-emas-maut/#google_vignette https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/11/1319790/kereta-langgar-pembahagi-tol-2-warga-emas-maut	Buletin TV3 Utusan Berita Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KANAK-KANAK 2 TAHUN MAUT DISERANG ANJING LIAR DI SEMPORNA

SEMPORNA: Seorang kanak-kanak lelaki meninggal dunia selepas dipercayai diserang sekumpulan anjing liar berhampiran rumahnya di Kampung Sungai Tohok, dekat sini, semalam.

Difahamkan kejadian kira-kira jam 8.41 pagi itu mangsa, Nazrin Sah Nasir, 2, bersama sepupunya dikatakan pergi ke kedai yang terletak di hadapan rumahnya manakala bapanya dikatakan sedang bersarapan dan tidak menyedari kejadian itu.

Sumber memberitahu, mangsa kemudiannya ditemukan oleh orang kampung dalam keadaan berlumuran darah disyaki diserang sekumpulan anjing liar dekat tepi dewan berdekatan rumahnya kira-kira jam 9 pagi.

“Mangsa seterusnya dikejarkan ke Hospital Semporna namun dilaporkan meninggal dunia semasa dalam perjalanan,” katanya.

Jenazah mangsa telah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Kampung Sungai Tuhok selepas proses bedah siasat dijalankan di Unit Forensik Hospital Tawau.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Semporna Superitendan Mohd Sabri Zainol berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan insiden itu yang dibuat bapa saudara mangsa kira-kira jam 10.33 pagi, hari yang sama.

Menurutnya, sebelum itu pihaknya mengesan penulisan satu video berdurasi 8 saat di media sosial yang memaparkan seorang kanak-kanak terbaring tanpa pakaian dan berlumuran darah selain terdapat kesan gigitan pada tubuh mangsa.

Beliau berkata, susulan laporan itu pihaknya membuka kertas siasatan berhubung kes terbabit yang diklasifikasi sebagai kematian mengejut (SDR).

“Sehubungan itu, polis menasihatkan orang awam supaya tidak menyebarkan video berkenaan bagi menghormati serta menjaga sensitiviti keluarga mangsa.

“Polis juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menjalankan operasi menangkap anjing liar bagi menjamin keselamatan masyarakat setempat,” katanya.

JASAD KANAK-KANAK AUTISME DITEMUKAN TERAPUNG DI SUNGAI MUAR



Anggota polis membawa mayat kanak-kanak autisme yang ditemui lemas di Sungai Muar. Gambar ihsan PDRM

MUAR: Seorang kanak-kanak lelaki menghidap autisme yang dilaporkan hilang selepas keluar rumah ditemukan lemas di Sungai Muar, berhampiran jeti Marina Bay, hari ini.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, mayat itu dijumpai terapung pada jam 7.30 pagi selepas hebahan dibuat serta maklumat orang awam.

Beliau berkata, pemeriksaan dan siasatan polis mendapati mayat yang ditemukan itu menunjukkan persamaan dari segi pakaian terakhir dipakai kanak-kanak yang dilaporkan hilang.

“Sebelum penemuan mayat, polis menerima laporan daripada bapa mangsa berusia 50 tahun memaklumkan anak lelakinya yang menghidap autisme tidak pulang ke rumah di Bakri, di sini.

“Hasil siasatan awal polis mendapati kanak-kanak itu merupakan pemegang kad orang kelainan upaya (OKU) kategori autisme.

“Bapanya memaklumkan anak lelakinya itu sering keluar rumah tanpa pengetahuannya dan pada pada masa sama, lelaki itu juga pemegang kad OKU penglihatan,” katanya dalam kenyataan.

Raiz Mukhliz berkata, kali terakhir bapa mangsa bertemu dengannya ialah pada jam 11.30 malam, 2 November lalu.

Katanya lagi, susulan laporan itu, polis membuat hebahan mengenai orang hilang (OH) sehinggalah maklumat orang awam melaporkan penemuan mayat itu.

“Mayat kanak-kanak itu dibawa ke Unit Forensik, Hospital Pakar Sultanah Fatimah di sini untuk pengecaman dan juga bedah siasat.

“Polis mengklasifikasikan kes itu sebagai mati mengejut dan orang ramai mempunyai maklumat mengenai kejadian itu boleh menghubungi pegawai penyiasat Asisten Superintendan Suhaimi Ahmad ditalian 013-3975290 atau Hotline IPD Muar 06-9566001, ataupun mana-mana balai berhampiran,” katanya.

WARGA EMAS RUGI RM176,500, TERPEDAYA UNTUNG RM2 JUTA

KUALA TERENGGANU - Seorang warga emas di sini kerugian sebanyak RM176,500 selepas menjadi mangsa penipuan pelaburan tidak wujud melalui laman Facebook.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, lelaki yang bekerja sebagai ejen insurans berusia 70 tahun itu tertarik dengan satu iklan mengenai pelaburan Bank Of China Investment (BOCI) di laman sosial tersebut pada 5 Ogos lepas.

Beliau berkata, lelaki itu kemudian telah menghubungi beberapa individu di aplikasi WhatsApp untuk urusan tersebut selain dijanjikan keuntungan 65 peratus dari setiap wang yang dilaburkan.

"Bermula tarikh 10 September sehingga 31 Oktober lepas, mangsa telah melakukan transaksi wang dengan jumlah keseluruhan bernilai RM176,500 sebanyak 10 kali ke dalam empat akaun bank berlainan.

"Setelah itu, keuntungan mangsa diterima hanya dalam sistem aplikasi kumpulan 'VIPD3-BOCI Investment Club' berjumlah hampir RM2 juta.

"Namun ia hanya sekadar keuntungan yang tidak boleh dikeluarkan serta pelbagai lagi bayaran yang diminta untuk mendapatkan wang tersebut," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Azli menyatakan mangsa telah menggunakan wang simpanan dan kad kredit miliknya untuk urusan pelaburan tidak wujud berkenaan.

Beliau berkata, mangsa yang mengesyaki bahawa dia telah ditipu telah tampil membuat laporan polis pada petang semalam.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," ujarinya.

2 WARGA EMAS MAUT KERETA REMPUH PEMBAHAGI TOL



2 lelaki berusia 65 tahun tersepit di bahagian hadapan kereta, berjaya dikeluarkan anggota bomba dan disahkan meninggal dunia oleh pihak KKM – FOTO: Ihsan Bomba

KUALA LUMPUR: Dua lelaki warga emas maut selepas kenderaan dinaiki mereka melanggar pembahagi tol di Plaza Tol Sungai Besi Lebuhraya Utara Selatan (Plus) arah Seremban, awal pagi tadi.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian jam 3.42 pagi.

"Kemalangan membabitkan sebuah kereta jenis Honda CRV yang telah melanggar pembahagi tol.

"Dua lelaki berusia 65 tahun didapati tersepit di bahagian hadapan kenderaan berkenaan.

"Kerja-kerja mengeluarkan mangsa berjaya dilakukan oleh anggota dan kedua-duanya disahkan meninggal dunia oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia."

Katanya, mangsa seterusnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.